




Buletin MPD

Jan-Mac 2015

MINISTERI
PASCAKURAN

KAMI BERKORBAN





Coretan VIP

DALAM kesibukan menjalankan tugas, saya sempat berkunjung dua kali ke kawasan Dabong dan Kemubu di Kelantan bersama 2,000 sukarelawan yang dihantar kerajaan negeri melalui program Misi Pasca Banjir di sana. Tinjauan di persekitaran kawasan ini, hati saya mula tersentuh melihat keadaan rumah-rumah penduduk di situ yang kebanyakannya rosak dan ada diantara yang musnah sepenuhnya akibat dibadi banjir.

Perhatian saya kemudiannya terarah dan rasa sebak mula terbuku di hali apabila melihat dua buah sekolah iaitu Sekolah Rendah dan Menengah di situ yang terjejas teruk dan hampir seratus peratus peralatan di kedua-dua sekolah itu musnah serta dilimpahi lumpur yang sangat tebal.

Ketika itu, saya bertanya sendirian mampukan kedua-dua sekolah ini berjaya dibersihkan sepenuhnya dalam tempoh singkat, sedangkan pelajar di seluruh negara termasuk di negeri Terengganu yang turut terjejas banjir telah memulakan sesi persekolahan.

Bagaimanapun, saya sangat terharu melihat sukarelawan yang diantar kerajaan negeri termasuk 30 kakitangan Majlis Perbandaran Dungun telah melaksanakan kerja dengan bertungkus lumus dan hampir sebulan berkerja keras, akhirnya kedua-dua sekolah itu berjaya dibersihkan sepenuhnya dan keadaan itu jelas terpancar kegembiraan hampir 1,000 pelajar kedua-dua sekolah itu.

Beberapa penduduk di situ yang saya temui melahirkan rasa bangga dan menghargai serta berlerima kasih kepada sukarelawan termasuk korajaan Terengganu yang sanggup membantu sehingga anak-anak mereka dapat belajar dengan lebih cepat.

Kata mereka, sekiranya tanpa bantuan daripada sukarelawan Terengganu, mereka berpendapat kedua-dua sekolah itu terpaksa dilanjutkan tempoh pembukaannya namun segalanya menjadi realiti dan akhirnya mereka menyerjemahkan ucapan terima kasih melalui beberapa kain rentang yang dipasang di sekitar perkampungan itu.

Saya menghargai komitmen tinggi yang dilaksanakan Menteri Besar, Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman yang banyak memberi sokongan kepada semua sukarelawan sehingga kedua-dua sekolah itu berjaya dibersihkan termasuk empat buah sekolah di sekitar jajahan Tanah Merah iaitu di Kelaweh, Pangkal Meleret, Sekolah Chung Hwa dan Kerla ini dan inilah antara objektif YAB Menteri Besar selaras slogan Transformasi Terengganu Baharu (TTB).

Tidak bermakta di situ, tumpuan membersihkan masjid, surau serta membina rumah transit bagi mangsa banjir yang kehilangan rumah mereka turut dilaksanakan kerana ramai yang terpaksa berlindung di khemah di atas jalan raya.

Kerajaan negeri Terengganu juga menghantar tukang kayu membaiki kerosakan rumah yang rosak dan ini semua membuktikan betapa besarnya komitmen kerajaan Terengganu membantu penduduk di Kelantan mengikut kemampuan yang ada, tanpa mengabaikan kebijakan mangsa banjir di Terengganu sendiri. Apa pun, musibah banjir besar pada kali ini wajar diambil pedoman dan pengalaman sebagai persiapan pada masa depan.

SELAMAT DATANG

Yang Dipertua, Al. Rahman Che Ali mengucapkan selamat datang kepada tiga pegawai baru ke Majlis Perbandaran Dungun semoga kahediran mereka dapat memantapkan lagi lugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.



Zulkelly Bin Hesen
Jurulera



Noraffinie Binti Norwah
Pegawai Peranceng
Bandar



Mohd Adzhar Bin
Mohd Zahri
Pengerah Jabatan
Khidmat Masyarakat



MPD MUNCUL TEMPAT KEDUA ANUGERAH KIK

MAJLIS Perbandaran Dungun (MPD) muncul naib juara pertandingan Konvensyen Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat negeri.

Majlis penyampaian hadiah yang berlangsung di Dewan Besar Wisma Darul Iman itu disempurnakan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mazlan Ngah.

Tempat pertama dimenangi Majlis Perbandaran Kemaman yang membawa pulang wang tunai RM8,000 manakala MPD di tempat kedua membawa pulang RM5,000 dan tempat ketiga dimenangi Jabatan kebajikan Masyarakat (JKM) menerima RM3,000.

Pasukan MPD yang diketuai Arkitek Kawalan Bangunan, Syazwana Sulaiman membawa projek bertajuk 'Kerosakan pada landas duduk yang kerap' mengambil masa selama enam bulan untuk menyiapkan projek terbabit.

"Alhamdulillah saya bersyukur dan berterima kasih kepada semua rakan pasukan yang berusaha keras menjayakan projek dan persembahan yang mantap ini namun apa boleh buat keputusan juara tidak memilih kepada kami."

Biarpun kami memperolehi tempat kedua namun saya puas dengan komitmen jitu rakan pasukan dan segala yang kami persembahkan inilah yang mampu kami berikan buat warga MPD," kata Syazwana selepas menerima hadiah terbabit.

Katanya, beliau akan cuba berusaha untuk meletakkan MPD di kedudukan yang lebih baik pada masa depan.



Seluruh warga Majlis Perbandaran Dungun mengucapkan...

Selamat-jingga tahniah kepada Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul

KAMI KORBANKAN JIWA DAN TENAGA



SERAMAI 30 kakitangan Majlis Perbandaran Dungun MPD turut serta menyertai Misi Pasca Banjir (MPB) yang dilancarkan kerajaan negeri Terengganu selama sebulan di Tanah Merah dan Dabong di Kelantan.

Biarpun keletihan bertungkus lumus membantu operasi banjir di Dungun masih belum terubat, namun tugas mumi itu amat penting bagi membantu kedua-dua jajahan di negeri Kelantan itu yang teruk dilanda musibah banjir.

Semboyang yang 'diturunkan' Yang Dipertua, Haji A Rahman Che Ali mengerakkan sesi perlama pasukan MPD dari Unit Tindakan Khas, Flying Skuad serta Jabatan Lanskap diketuai Pegawai Kesihatan Persekutuan (PKP), Razak Muda segera berlepas ke tanah Merah.

Pasukan ini turut disertai bantuan daripada tenaga dan jentera kontraktor kebersihan dan selama liga hari bertungkus lumus bersama 600 sukarelawan yang lain, tugas membersih empat buah sekolah di Tanah Merah, iaitu Sekolah di Pangkal Meleret, Kelaweh, SRJK(C) Chung Hwa dan Keria yang teruk dilanda banjir lumpur berjaya dilaksanakan.

Pengerusi PIBG SRJK(C) Chung Hwa, Yeo 66, berkata dia berterima kasih kepada sukarewan termasuk kakilangan MPD yang datang membantu membersih keseluruhan kawasan sekolahnya yang teruk ditanda banjir.

"Biarpun kita berlainan agama, tapi kawe bangor sangat-sangat ore Terengganu sanggup mari jauh bantu bersih sekolah kawe di Kelate..budi baik, jaso demo semuo kawe kene sapa ke bilo-bilo," katanya dalam loghat Kelantan.